



27 JAN, 2021

## Tubuh dana khas bagi tangani isu 'miskin pembelajaran': Madeline



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



MADELINE

### **Tubuh dana khas bagi tangani isu 'miskin pembelajaran': Madeline**

**KUCHING:** Pesuruhjaya Su-ruhanjaya Hak Asasi Manu-sia Malaysia (SUHAKAM) Sarawak Datuk Dr Madeline Berma menyarankan agar dana khas ditubuhkan bagi menangani isu 'miskin pem-belajaran' khasnya dalam kalangan kanak-kanak di negara ini ekoran pandemik COVID-19.

Beliau berkata dana khas yang dinamakan 'Dana Me-nangani Kehilangan Pen-didikan' itu dicadang ditu-buhkan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

"Kajian Bank Dunia menganggarkan kemiskinan pendidikan semakin meningkat akibat pandemik COVID-19," katanya ketika dihubungi semalam sambil menambah, situasi itu ber-laku di seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

Beliau memberitahu, tu-juan penubuhan dana itu ialah bagi membantu pelajar yang hilang pendidikan disebabkan penutupan sekolah dengan merapatkan lompong pembelajaran.

Menurutnya menerusi ban-tuan kewangan diberikan di bawah dana khas berkenaan, alat atau peranti digital dan segala keperluan pengajaran dan pembelajaran dapat dise-diakan lebih-lebih lagi untuk sekolah serta pelajar luar bandar, juga daripada keluarga yang tidak mampu.

"Dana ini juga boleh digu-

nakan bagi membiayai waktu pengajaran dalam bentuk insentif kepada pendidik bagi memenuhi keperluan elajar yang pelbagai mengikut latar belakang.

"Ia juga boleh digunakan bagi membiayai ruang belajar dan perkhidmatan akademik seperti penilaian diagnostik keperluan pelajar, peranti kesalinghubungan bagi pen-gajaran dan pembelajaran bersemuka serta dalam tal-ian," jelasnya.

Madeline yang juga Felo Akademi Sains Malaysia ber-kata dana khas itu juga boleh digunakan bagi membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ibu bapa serta masyarakat setempat dalam bentuk kewangan supaya kumpulan berkenaan da-pat menyokong pendidikan pelajar.

Dalam pada itu beliau berpendapat, kerajaan perlu mengambil kesempatan ini untuk membangunkan sistem pendidikan negara yang lebih berdaya tahan dan mudah mengadaptasi keperluan pelajar.

Beliau menambah, sistem pendidikan negara yang dibangunkan itu juga harus lebih saksama dan inklusif.

"Kerajaan juga perlu melakuk-an pelaburan yang tinggi dalam teknologi pen-gajaran dan pembelajaran negara seiring berkembangan situasi semasa," ujarnya.



27 JAN, 2021

## Tubuh dana khas bagi tangani isu 'miskin pembelajaran': Madeline



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**MADELINE**

KUCHING: Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Sarawak Datuk Dr Madeline Berma menyarankan agar dana khas ditubuhkan bagi menangani isu 'miskin pembelajaran' khasnya dalam kalangan kanak-kanak di negara ini ekoran pandemik COVID-19. Beliau berkata dana khas yang dinamakan 'Dana Menangani Kehilangan Pendidikan' itu dicadang ditubuhkan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.